



## BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002  
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Rujukan Kami : KPM.600-12/1/4 Jld. 66 (87)

Tarikh : 5 Jun 2025

Pengurus Besar  
Komunikasi Korporat & Promosi  
Sin Chew Media Corporation Berhad  
No. 78, Jalan Prof Diraja Ungku Aziz  
Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya  
Selangor

Tuan,

### MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PELIBATAN MURID DALAM PROGRAM PERTANDINGAN VIDEO PENDEK SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA ANJURAN SIN CHEW MEDIA CORPORATION BERHAD TAHUN 2025

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas. Surat tuan bertarikh 07 April 2025 serta pembentangan pihak agensi kepada pihak kami secara dalam talian (*Google Meet*) dan penghantaran pemurnian kertas kerja pada 04 Jun 2025 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak KPM mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan, agensi bukan kerajaan, Jabatan Pendidikan Negeri dan sekolah dalam membantu BSKK, KPM membangunkan aktiviti sukan, kokurikulum dan seni di negara ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak KPM mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** bagi pelibatan murid dalam **Program Pertandingan Video Pendek Sekolah Jenis Kebangsaan Cina** anjuran **Sin Chew Media Corporation Berhad** pada **15 Jun hingga 30 November 2025**. Walau bagaimanapun, pihak KPM ingin menarik perhatian pihak tuan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) KPM Bil.8/1995, Bil.7/1988, Bil.8/2009, Bil.5/2018, Bil.9/2023 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010, Garis Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar. Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:

- 3.1 pihak pengajur hendaklah mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) serta sekolah yang terlibat;
- 3.2 semua murid yang menyertai hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 3.3 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga;
- 3.4 pihak pengajur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan pengajuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 3.5 surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.6 penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjelaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/Pengajaran dan Pembelajaran di rumah (PdPR)/program/aktiviti sekolah;
- 3.7 pihak pengajur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 3.8 pihak pengajur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.9 sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak pengajur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 3.10 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat (merujuk SPI Bil.5/2018);
- 3.11 pihak pengajur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos pengajuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar;**

- 3.12 pihak pengajur hendaklah memberikan penerangan yang jelas tentang program ini kepada semua yang terlibat dan menepati tatacara pemakaian yang digariskan oleh KPM agar tidak menimbulkan sebarang implikasi negatif daripada program yang dijalankan;
- 3.13 pihak pengajur perlu mengemukakan **draf poster/ gegantung/hebahan digital/sijil** untuk semakan BSKK sebelum diedarkan;
- 3.14 penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak pengajur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat selepas mendapatkan maklum balas/surat sokongan permohonan pengajuran program ini**;
- 3.15 pihak pengajur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum/semasa/selepas program berlangsung bagi mendokong elemen tadbir urus insan (*Human Governance*) dalam kalangan murid sekolah di bawah KPM (*seperti pemupukan integriti, bersikap jujur, amanah, sifat jati diri terpuji, beretika dan lain-lain*);
- 3.16 bagi **tujuan pengiktirafan** program, pihak pengajur perlu mengemukakan **satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti di Lampiran A)** kepada **Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, KPM tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program**;
- 3.17 pihak pengajur adalah dimohon untuk mengemukakan **Surat Setuju Terima (seperti di Lampiran B)** kepada pihak BSKK dalam tempoh **14 hari** selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program; dan
- 3.18 KPM berhak menarik balik surat pengajuran program ini sekiranya pihak pengajur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuruan akan memberikan kesan kepada permohonan agensi pada masa akan datang.

4. Maklum balas penganjuran program ini hanya untuk penganjur program **Sin Chew Media Corporation Berhad** bagi pelibatan murid dalam **Program Pertandingan Video Pendek Sekolah Jenis Kebangsaan Cina** pada **15 Jun hingga 30 November 2025**. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak BSKK, KPM.

5. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi pegawai kami **Puan Sanoyah binti Yusof** di talian **03-88841179/ 0123311537** atau melalui e-mel **sanoyah.yusof@moe.gov.my**.

Kerjasama dan perhatian pihak tuan berkaitan perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ITHNIN BIN MAHADI)**

Pengarah  
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.: 1. Pengarah  
            Bahagian Pengurusan Sekolah Harian  
  
        2. Pengarah  
            Jabatan Pendidikan Negeri Seluruh Malaysia